

# SEKATAN PERJALANAN

## PENGENALAN

- Sekatan perjalanan dikenakan ke atas individu atau pengarah syarikat yang gagal menjelaskan tunggakan cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah atau cukai korporat
- Sekatan perjalanan dikuatkuasakan di bawah Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 / Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

## PENGELUARAN SIJIL

- Sijil sekatan perjalanan dihantar ke alamat terakhir pembayar cukai melalui pos berdaftar

## TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI

- Individu atau pengarah syarikat hendaklah menjelaskan cukai sepenuhnya berdasarkan sijil yang dikeluarkan

## PERMOHONAN PEMBATALAN SEKATAN PERJALANAN

### ■ PEMBATALAN

- Bayaran penuh telah dijelaskan seperti amaun di Sijil Sekatan Perjalanan yang dikeluarkan

### ■ PELEPASAN SEMENTARA

- Jika tidak dapat menjelaskan tanggungan cukai sepenuhnya, pembayar cukai masih boleh memohon pelepasan sementara bagi perjalanan ke luar negara seperti berikut :

- 1 - Pembayar cukai atau wakil hadir ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai sekurang-kurangnya **7 hari sebelum tarikh perjalanan ke luar negara**
- 2 - Mengemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat destinasi, tujuan dan tempoh ke luar negara
- 3 - Membuat bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah cukai tertunggak dan membuat aturan bayaran ansuran untuk baki selebihnya

- Surat pelepasan sementara akan dikeluarkan kepada pembayar cukai dengan menyatakan tempoh pelepasan yang dibenarkan

SEKATAN PERJALANAN

# KAEDAH BAYARAN

TUNAI

PERBANKAN INTERNET / KAUNTER BANK / KAUNTER BAYARAN LHDNM

TEMPOH PENGELUARAN SURAT PEMBATALAN / PELEPASAN SEMENTARA

SERTA MERTA  
KEMUKAKAN RESIT BAYARAN KE CAWANGAN LHDNM

UNTUK MEMBUAT SEMAKAN SEKATAN KE LUAR NEGARA, SILA KUNJUNGI LAMAN SESAWANG JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA  
[www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my)

## PERINGATAN

Bagi mengelakkan sekatan perjalanan, sila semak dan jelaskan tunggakan cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah atau syarikat anda sebelum merancang ke luar negara



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA